

05 JUL 2001

Mahathir-pelantikan

DR MAHATHIR BELUM BUAT KEPUTUSAN SIAPA MENTERI KEWANGAN

SHAH ALAM, 5 Julai (Bernama) - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau belum membuat keputusan siapa akan menjadi Menteri Kewangan.

"Saya rasa pihak akhbar tak yakin saya boleh kendalikan Kementerian Kewangan," kata Perdana Menteri secara berseloroh ketika ditanya sama ada beliau akan melantik seorang Menteri Kewangan yang baru.

Dr Mahathir mengambil alih tugas Menteri Kewangan setelah Tun Daim Zainuddin meletak jawatan pada 1 Jun lepas.

Katanya pelantikan Menteri Kewangan yang baru mungkin memakan masa "satu bulan, dua bulan, tiga bulan atau setahun".

Dr Mahathir yang sebelum itu melawat kilang Proton di sini hari ini, berkata bahawa apabila pelantikan itu dibuat, ia akan diumumkan.

Mengenai pelantikan Menteri Kewangan Kedua, beliau berkata : "Bila-bila masa saja jika saya rasakan perlu."

Pada masa ini, katanya, beliau tidak merasa terlalu dibebani dengan urusan di Kementerian Kewangan.

Dr Mahathir berkata beliau mempunyai beberapa orang yang membantunya di kementerian itu.

Mengenai pertemuannya di sini baru-baru ini dengan Paul Stoddart, pemilik pasukan F1 Minardi, Perdana Menteri berkata mereka membincangkan antara lain kemungkinan kerjasama antara Malaysia dan pasukan itu dalam menghasilkan pemandu tempatan dan enjin untuk perlumbaan F1.

Pada pertemuan itu, mereka turut membincangkan kemungkinan pemandu Malaysia Alex Yoong menyertai pasukan Minardi dan mengambil bahagian perlumbaan F1 di litar Silverstone di England pada 15 Julai ini.

Perbincangan juga berkisar mengenai perlunya Malaysia mengeluarkan pembiayaan RM19 juta untuk membolehkan Yoong menjadi pelumba F1.

"Sudah pasti, kita (kerajaan) tidak mahu melepaskan peluang untuk bersama-sama dengan Minardi untuk menghasilkan lebih banyak pelumba tempatan dan enjin untuk F1," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai tuntutan kenaikan gaji oleh kesatuan sekerja khususnya dalam industri komponen kenderaan, Dr Mahathir berkata beliau yakin kesatuan sekerja akan faham kedudukan kerajaan.

Katanya kerajaan dan kesatuan sekerja sentiasa mempunyai hubungan yang baik serta mengadakan dialog berterusan.

-- BERNAMA
RIZ AFY MAI